

Lampiran A  
(Appendix A)

SYARAT-SYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN/PENYELIDIKAN  
DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TERMS AND CONDITIONS FOR CARRYING OUT RESEARCH IN  
PERMANENT RESERVED FOREST (PRF) IN PENINSULAR MALAYSIA

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Untuk Menjalankan Kajian/Penyelidikan Dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Di Semenanjung Malaysia yang boleh di muat turun melalui laman sesawang [www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my).  
*All application shall be made using the Application Form to Conduct Research in Permanent Reserved Forest (PRF) in Peninsular Malaysia which can be downloaded from the website [www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my).*
2. Pemohon hanya boleh menjalankan kajian/penyelidikan dalam HSK setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.  
*All research in PRF can only be carried out upon receiving approval from the Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia.*
3. Pemohon perlu mendapat Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal/Permit Penggunaan daripada Jabatan Perhutanan Negeri sebelum memulakan kajian/penyelidikan.  
*Applicant is compelled to obtain Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal/Permit Penggunaan from the respective State Forestry Department before commencing the research.*
4. Pemohon perlu mengemukakan surat pengesahan rasmi daripada institusi, agensi, atau organisasi yang bertanggungjawab atas penyelidikan yang akan dijalankan oleh pemohon yang mewakilinya (jika berkaitan).  
*Applicant needs to present the authorised letter from their respective institution, agency or organisation responsible for the research.*
5. JPSM tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan, kecederaan, kehilangan nyawa, dan kerosakan/kehilangan ke atas barang-barang persendirian semasa menjalankan kajian/penyelidikan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).  
*FDPM shall not be held responsible for the safety of any researcher or any injury or death, or loss of properties and belongings while carrying out research in the PRF.*
6. Segala urusan pengangkutan, kewangan, penginapan, makan dan minum dan lain-lain keperluan adalah tanggungjawab pemohon sendiri semasa menjalankan kajian/penyelidikan di dalam kawasan HSK.  
*Logistic, financial, food and other requirements needed for carrying out research in the PRF shall be the responsibility of the applicant/researcher.*
7. Pemohon perlu memaklumkan kepada Pejabat Hutan Daerah, Pejabat Renjer Hutan dan Pihak Keselamatan di daerah yang berkenaan sebelum memasuki HSK sebagai langkah keselamatan jika berlaku kejadian yang tidak diingini.  
*The applicant shall duly notify the District Forest Office, Forest Range Office and other local security authority before entering the PRF as a safety precaution for any unwanted incidence.*

8. Pemohon adalah dilarang sama sekali membuat sebarang kenyataan media mengenai apa-apa urusan berkaitan kajian/penyelidikan yang akan, sedang atau telah dijalankan di dalam HSK melainkan dengan kebenaran Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.  
*The applicant shall not make any press statement regarding any matter pertaining to the research carried out without the prior approval of the Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia.*
9. Pengambilan sampel/spesimen tumbuhan yang melibatkan kuantiti yang banyak untuk dibawa keluar dari kawasan HSK hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan.  
*Prior approval from the respective State Forestry Departments need to be obtained for the removal of plant samples/specimens in large quantities from the PRF.*
10. Data-data yang diperolehi dari kawasan kajian/penyelidikan hanya boleh digunakan untuk tujuan penyediaan laporan berkaitan dengan skop kajian/penyelidikan yang dinyatakan di para 9(ii) dalam Borang Permohonan Untuk Menjalankan Kajian/Penyelidikan Dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Di Semenanjung Malaysia.  
*Data obtained can only be used for the preparation of reports pertaining to the scope of research as stipulated in para 9(ii) of the Application Form to Conduct Research in Permanent Reserved Forest (PRF) in Peninsular Malaysia.*
11. Pemohon adalah dilarang membawa sesiapa yang tidak berkaitan untuk menemaninya ke kawasan kajian/penyelidikan sama ada di waktu siang atau malam melainkan dengan kebenaran (Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal).  
*The applicant is not permitted to bring along any other person unless with due approval through Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal.*
12. Kelulusan untuk menjalankan kajian/penyelidikan akan ditarik balik dengan serta merta sekiranya penyelidik didapati melanggar mana-mana syarat dan peraturan yang telah ditetapkan melainkan telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia atau Pengarah Perhutanan Negeri.  
*This approval for carrying out research may be withdrawn in the event the researcher is found to violate any conditions stipulated unless with due approval from the Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia or the State Director of Forestry.*
13. Pemohon juga boleh dikenakan tindakan seperti mana yang digariskan dalam Akta Perhutanan Negara 1984 sekiranya didapati melanggar peraturan-peraturan dan larangan-larangan semasa berada di HSK seperti juga yang termaktub dalam Akta tersebut dan tertakluk juga kepada Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1999.  
*The applicant may be liable to be charged for violating any regulations and prohibitions as stipulated under the National Forestry Act 1984 and subject to the Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1999.*
14. Pemohon perlu mengemukakan laporan atau hasil-hasil kajian/penyelidikan yang telah dijalankan di kawasan HSK kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Pengarah Perhutanan Negeri dalam tempoh masa 30 hari setelah tamat tempoh kajian/penyelidikan.  
*The applicant shall submit a written report or any findings on the research carried out in PRF to the Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia within 30 days from the date of completion of the research.*